

Rasuah tidak semesti

Ketelusan undang-undang bendung gejala

B-H M15 14 11/05/07

SESIAPA yang dikaitkan dengan rasuah tidak perlu gundah jika mereka tidak melakukannya kerana siasatan dan tindakan akan dibuat secara adil. Itulah nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika mengulas laporan media mengenai dakwaan rasuah terhadap Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Seri Zulkipli Mat Noor, sejak awal minggu lalu dan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd Johari Baharum, baru-baru ini. Wartawan *Berita Minggu*, Rasid Rahaman dan Norakmah Mat Youb menemubual bekas Ketua Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Shaikh Daud Md Ismail bagi mendapatkan pandangan sama ada masih ada ketelusan siasatan rasuah di negara ini.

Soal Jawab

? BOLEH Datuk jelaskan maksud rasuah.

Rasuah tidak semestinya dengan duit. Memberi perkhidmatan pun boleh dikategorikan sebagai rasuah. Buat baik dengan orang pun untuk tujuan sesuatu boleh dikatakan rasuah. Definisinya sangat luas. Jika buat sesuatu untuk seseorang dengan tujuan hendak mendapatkan balik balasan juga rasuah. Ada timbal balas kerana jika tidak dapat pulangan selalunya orang tidak akan lakukan sama ada duit atau perkhidmatan. Ramai orang keliru kerana hanya mengaitkan rasuah dengan duit.

Rasuah dari segi perbuatan pula ialah menyalahgunakan kuasa untuk

memungkinkan akan ada 'orang bercajak soal ketelusan'. Harapnya polis tidak melakukannya walaupun yang tertuduh juga pernah berkhidmat dalam badan itu. Memang BPR sepatutnya tidak menyiasat. Kalau tidak ada bukti untuk mendakwanya, pandangan masyarakat akan serong terhadap badan itu.

Ketika saya memberi ceramah, ada beberapa soalan yang dikemukakan iaitu jika polis mengambil rasuah BPR akan menyiasat, bagaimana pula jika BPR terbabit rasuah, siapa yang akan menyiasat? Saya kata polis akan siasat kerana seseorang mesti menyiasat. Badan yang lain daripada polis dan BPR susah untuk menyiasat kerana tidak ada kemahiran menyiasat serta undang-undang. Undang-undang mesti dipinda dulu dan itu mengambil masa agak lama.

? Adakah penubuhan Suruhanjaya Siasatan untuk menyiasat

Jika buat laporan (dakwaan) kita mesti bertanggungjawab. Bukan boleh buat main-main. Jika kita reka cerita kita akan dituduh. Di internet susah hendak mengesan penulisnya, boleh dapat tetapi mengambil masa agak lama.

? Sebagai seorang bekas hakim apakah pandangan Datuk mengenai kemelut yang berlaku antara Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, polis dan BPR yang saling tuduh-menuduh.

Di sini ada kelemahan. Nampaknya tidak ada komunikasi antara satu sama lain yang menampakkan kepincangan. Contohnya, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Pada masa dulu, keadaan dalam negeri yang memaksa mewujudkan akta itu. Pada pandangan saya, ISA perlu diwujudkan tetapi harus didedahkan apa kuasa polis. Polis dengan sebab yang kita tidak tahu datang ke rumah jam 2 pagi

dengan suapan duit'



tuk mendapatkannya sesuatu. Contohnya, untuk meluluskan lesen awak kena beri sama ada tunai atau sebaliknya. Kategori rasuah bermacam-macam, bergantung kepada keadaan.

? Bagaimana Datuk melihat trend rasuah masa kini.

Susah hendak kata kerana tidak mempunyai statistik. Ketika saya menjadi Ketua Pengarah BPR, kebanyakan rasuah menggunakan duit. Ada juga yang membuat tuntutan lebih dan itu juga dikategorikan sebagai rasuah. Jenis memalsukan tuntutan dan duit paling banyak berlaku.

Sekarang ini berbeza, selain duit, pelbagai pendekatan lain dibuat untuk memberi rasuah seperti melancang ke luar negara dan lain-lain lagi bagi mengelak perbuatan mereka dihidu.

Dulu, kebanyakan yang terbabit ialah golongan berpangkat rendah tetapi sekarang ini apabila kita melihat pada media massa banyak pihak atasan yang terbabit. Kemungkinan dulu ada tetapi orang tidak buat laporan. Bila mengetahui orang atas terbabit, mereka jadi takut untuk membuat laporan kerana takut kerja mereka terjejas.

Pada masa kini, masyarakat sudah berani untuk mendedahkan kesalahan yang dilakukan pihak atasan kerana ketelusan undang-undang kini dan kerajaan mula nampak kes orang atasan dengan lebih jelas lagi.


? Dulu polis, kini Badan Pencegah Rasuah (BPR) tercalar imejnya selepas Ketua Pengarahnya dituduh terbabit dalam penyalahgunaan kuasa, rasuah dan gangguan seksual. Adakah tuduhan itu akan memberi kesan buruk kepada badan berkenaan yang selama ini dilihat mencapai ke-

• Jaja Siasatan untuk menyasat timbalan menteri dalam negeri dan Ketua Pengarah BPR sebagai langkah lebih adil.

Ia boleh juga dilakukan tetapi Suruhanjaya Siasatan tetap akan merujuk polis atau BPR kerana mereka tidak boleh bergerak sendiri. Mereka tetap harap polis juga. Diharapkan siasatan dapat dijalankan dengan adil tanpa mempengaruhi bawahan tertuduh pernah berkhidmat dengan polis atau BPR.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi juga mahu kes ini disiasat sehingga ke akar umbi. Apa yang menghairankan sebelum ini ada laporan beberapa kesalahan lain tetapi saya tidak tahu apa yang berlaku dengan siasatan itu.

Saya diberitahu apabila seseorang hendak naik pangkat terutama dalam sektor kerajaan akan dirujuk



tahu, datang ke rumah jam 2 pagi, tangkap dan tahan 60 hari. Selepas itu baru bagi laporan kepada menteri sama ada hendak bebas atau tahan lagi dua tahun. Itu yang orang persoalkan.

Pada pandangan saya, ia harus dipinda seperti Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah, ia lebih telus dan orang jarang mempersoalkannya kerana ia jelas.

? Dasar keterbukaan kerajaan dijadikan satu lesen bagi setengah pihak untuk menuduh individu tertentu tanpa sebarang bukti, sedangkan kita mempunyai satu sistem perundangan yang lengkap dan adil. Komen Datuk.

Kemungkinan orang takut untuk melaporkan kerana bimbang menjadi mangsa. Jika dulu, kita jarang mendengar mengenai surat la-

“ Pada masa kini, masyarakat sudah berani untuk mendedahkan kesalahan yang dilakukan pihak atasan kerana ketelusan undang-undang kini dan kerajaan mula nampak kes orang atasan dengan lebih jelas lagi”

kan tanggungjawab dapat dilihat dan dinilai masyarakat.

Contohnya, banyak pihak meminta pelantikan hakim dilakukan dengan cara baru. Bukan cara baru sebenarnya tetapi dengan lebih elok. Daripada satu orang yang pilih baiklah banyak orang memilihnya kerana ia lebih adil.

Sekarang majistret yang hendak dilantik, suruhanjaya yang tentukan tetapi hakim bukan suruhanjaya tetapi seorang saja iaitu Ketua Hakim Negara. Jadi, bila disalurkan satu nama kepada Perdana Menteri, beliau hanya meluluskan kerana sudah memberi kepercayaan kepada pihak berkenaan.

Cara ini kita ikut dari England. Sekarang ini pun mereka sudah menukar cara walaupun ia sudah diamalkan sejak 900 tahun lalu. Jadi, sekarang ini pemilihan hakim menggunakan suruhanjaya. Ketelusan itu boleh dilihat.

Kadangkala kita dengar seorang peguam yang dilantik kita tidak tahu langsung apa sebabnya. Begitu juga kes kenaikan pangkat. Seseorang yang harus naik pangkat tidak dapat sebaliknya orang yang tidak layak itu menerimanya disebabkan sesuatu sebab.

? Berhubung kes Ketua Pengarah BPR, polis dilaporkan akan membuka semula siasatan fail lama manakala Peguam Negara kata, tidak ada kes. Di sini kita dapat lihat perancangan berlaku. Komen Datuk.

Jika dibuka, semua perbezaan ini dapat dihapuskan tetapi jika tidak buat apa-apa, lagi teruk. Cadangan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan untuk membuka semula kes lama adalah satu idea baik. Kadangkala kita terlepas pandang ketika menyalut sesuatu kes. Jadi, kon-

“*Sepatutnya jika kita lihat seorang pegawai itu hidup mewah sedangkan gajinya kecil, siasatan perlu dilakukan segera. Sebenarnya, pengisytiharan harta juga ada yang menipu. Sama apa yang berlaku sekarang ini*”

kan kes rasuah dikaitkan golongan yang berhubung terus dengan orang awam seperti kastam dan polis kerana kakitangan terbabit dapat berhubung terus tanpa merujuk dengan pegawai tinggi.

Pada masa itu juga mereka kata BPR bukan hendak tahan tetapi sebenarnya tiada tuduhan dilaporkan. Jika ada pun ia tidak lengkap kerana kita memerlukan bukti. Kemungkinan itu ada tetapi juga mungkin tidak terbabit.

Jangan tunggu orang buat tuduhan atau laporan saja baru hendak menyalut. Sepatutnya jika kita lihat seorang pegawai itu hidup mewah sedangkan gajinya kecil, siasatan perlu dilakukan segera. Sebenarnya, pengisytiharan harta juga ada yang menipu. Sama apa yang berlaku sekarang ini. Selepas laporan dibuat barulah hendak menyalut kebenarannya.

? Mengapa selepas kes berkaitan didedahkan di media, baru pihak berkuasa hendak menyalut.

Saya pun hairan. Mereka sepatutnya menyalut kes itu sebelum didedahkan kepada media. Media pula sepatutnya siarkan siasatan dijalankan. Pada masa ini pula nampaknya, media mula dulu baru siasatan dijalankan. Jika tidak, hanya berdiam diri.

Kemungkinan pegawai rendah mengetahui salah laku pegawainya tetapi mereka takut untuk membuat laporan kerana ia menjejaskan kenaikan pangkat, gaji dan juga mungkin akan dipindahkan ke jabatan lain. Jadi, mereka buat surat layang sebar di internet atau mendedahkan di internet.

Selepas itu baru mereka buka mata tetapi bergantung kepada siapa yang membuat laporan itu.

? Adakah Prosedur Operasi Standard (SOP) perlu dikaji semula kerana banyak penjenayah bebas kerana polis didapati tidak mengikut SOP ketika menjalankan siasatan.

Ya. Saya setuju dikaji semula kerana mungkin ia ada kelemahan sendiri. Ia harus diteliti dan jangan pula ada peruntukan tetapi tidak diikuti. Itu pun tidak guna juga. Contohnya, jika ada arahan mengatakan fail itu mesti sampai kepada pegawai dalam tempoh sebulan tetapi jika ia sampai melebihi tempoh, harus tunjuk surat sebab.

Apabila seseorang pegawai tidak mengikut arahan termaktub harus memberi penjelasan. Kalau kita tidak buat begitu kita tidak akan ada SOP yang bagus. Jika kita tidak baca dan meneliti sedalam-dalamnya takut menganiaya orang.

? Apakah cara terbaik menyele-

cemerglangannya membanteras rasuah di negara ini.

Kalau orang yang tinggi sekali terbabit dalam kes itu seperti yang dilaporkan media, ia adalah sesuatu yang sangat serius kerana bukan saja membabitkan BPR tetapi seluruh negara. Mereka sepatutnya menjadi pemerhati kepada kerajaan, bukan sebaliknya.

Jika mereka sendiri terbabit dalam gejala itu bagaimana pula? Ketika saya di BPR, ada seorang pengarah didakwa menyalahgunakan kuasa dan ditahan tetapi apabila membuat rayuan dan didapati dia mengidap kanser. Rayuan dibenarkan tetapi dalam tempoh itu meninggal dunia.

Ketika itu imej BPR sangat baik kerana tidak ada langsung campur tangan menteri atau kerajaan dalam BPR. BPR bebas menyalah sesiapa saja. Tidak perlu kebenaran untuk menyalah sesiapa tetapi dakwaan mesti ada bukti.

Sekarang ini saya tidak tahulah sama ada BPR bebas seperti dulu. Dulu, ketika Ibrahim Salleh menjadi pengarah, saya pernah dengar dia memaki menteri kerana cuba untuk campur tangan dalam kes BPR. Itu menunjukkan betapa bebasnya, sekarang ini tidak tahu pula.

? BPR tidak terbabit dalam siasatan Ketua Pengarahnya, sebaliknya polis yang menjalankan siasatan bagi memastikan proses itu berjalan secara adil. Sejauh mana Datuk lihat teori ini boleh diterima sedangkan sebelum ini imej polis turut dikaitkan kes rasuah.

Ini adalah jalan yang baik juga kerana jika BPR menyalah ke-

pada polis untuk memastikan bahawa ia bebas daripada sebarang kesalahan. Saya tidak tahu sama ada kes ini dirujuk atau tidak.

Kemungkinan jalan yang baik tetapi kuasa untuk menyalah itu tiada kecuali jika diberi kuasa. Mereka boleh menyalah. Ini macam sebut kes di mahkamah. Jika keterangan tidak mencukupi, untuk membuat ulasan sangat sukar.

Penubuhan Suruhanjaya Siasatan itu mungkin boleh memberi kepercayaan kepada masyarakat. Persepsi negatif tiada. Ia adalah bebas seperti kes bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor.

? Seperti berlaku trend baru dalam pendedahan kes rasuah. Jika dulu akhbar atau media memainkan peranan utama mendedahkan penyelewengan, kini laman web atau penulis blog. Boleh Datuk komen.

Orang takut untuk membuat laporan. Cara terbaik ialah dengan mendedahkan ia di internet. Jika di internet seluruh dunia tahu dan penyebarannya begitu cepat sekali. Itu adalah alasan yang kuat.

Lagi satu yang membuatkan masyarakat tidak mahu membuat laporan ialah kadangkala siasatan sudah selesai tetapi mereka tidak tahu apa berlaku selepas itu. Jika tiada bukti terus tutup tanpa memberitahu masyarakat apa berlaku.

Di internet ia tersebar dengan cepat sekali. Apa yang menjadi masalah ialah jika tohmahan itu tidak benar ia akan menjatuhkan maruah. Untuk mencari bukti agak payah. Penulis itu beranggapan dia tidak boleh di-kesan sebab itu dia sanggup menulis.

yang tetapi kini banyak surat layang. Pada pandangan saya, mereka takut.

Mereka buat surat layang atau menulis surat layang elektronik. Kalau kita boleh kesan dengan cepat pihak yang terbabit mungkin boleh memberhentikannya tetapi ia susah dan memerlukan masa lama.

Apa yang saya nampak sekarang ini dasar kerajaan agak terbuka sedikit. Ini agak baik juga kerana jika disenyapkan kes salah laku orang tidak akan tahu dan ia akan berlaku berulang-ulang tetapi jangan terlalu terbuka sangat kerana pihak tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan dan mencabul hak dan salah gunakan cara itu.

? Mungkinkah masyarakat tidak akan mempercayai integriti BPR selaku badan yang bertanggungjawab menangani rasuah kerana mereka sendiri mengembalikannya? Bagaimana untuk mengembalikan kepercayaan masyarakat.

BPR sendiri harus bersihkan badan itu, dengan cara mana saya tidak tahu. Mereka perlu cari sendiri jalan membersihkan diri sendiri, pegawainya, cara menjalankan kerja supaya kepercayaan rakyat kembali semula.

Mungkin kerana tidak bersih, masyarakat enggan membuat laporan kerana beranggapan apa guna buat laporan jika mereka sendiri tidak bersih. Masalah ini akan memberi impak buruk yang sangat hebat kepada negara kerana tidak ada kepercayaan terhadap pihak berkuasa.

Satu jalan ialah dengan memberitahu, apa tindakan yang dilakukan mereka supaya ketelusan menjalan-

lik tidak akan berterusan.

Lagi satu, mereka tidak harus membuat komen sehingga selesai siasatan. Komen mereka ini boleh memberi pandangan berbeza. Jalan terbaik ialah jangan memberi komen secara terbuka. Mereka boleh andaikan komen dengan cara mereka sendiri. Persepsi masyarakat pelbagai.

? Apa pandangan Datuk mengenai kaji selidik Transparency International Malaysia (TI-Malaysia) mendapati golongan berpendapatan tinggi lebih cenderung memberi rasuah kepada pihak berkuasa.

Tidak boleh nak kata apa-apa. Ketika saya di BPR dulu, kebanya-


“Rakyat seharusnya mempunyai kesedaran jika mahu menuduh seseorang pastikan bukti mencukupi untuk mengelakkan imej tercemar. Senario sekarang ini ialah orang lebih suka mencari duit yang banyak tanpa memikirkan buruk atau baik”

? Adakah kenaikan gaji dan tarakan pangkat jalan terbaik untuk membendung gejala rasuah ini?

Tidak tepat sangat tetapi ia membantu. Mereka yang terima rasuah selalunya bukan ingat gaji mereka kecil atau besar cuma mereka mahukan duit banyak dan hidup mewah.

Duit cukup untuk menyara keluarga tetapi mahukan lebih. Kereta mewah dan rumah besar. Cara kenaikan gaji boleh membantu juga.

Pada saya rasuah tidak boleh dihapuskan sama sekali. Di mana-mana negara sama cuma ada sesetengah negara tidak mendedahkan kes berkenaan.



? saikan rasuah rasuah di negara ini.

Susah hendak cari kerana ia banyak terutama pegawai tinggi yang beragama Islam. Mereka sepatutnya mengetahui bahawa rasuah itu satu perbuatan yang dikeji. Semua agama bencikannya kerana ia akan menindas golongan lemah.

Kebanyakan yang terbabit dan dituduh ialah orang beragama Islam. Sekarang ini walaupun pendidikan agama diterapkan sejak kecil tetapi gejala itu semakin banyak. Itu sangat menyedihkan. Kesedaran agama penting.

Tohmahan palsu juga dikutuk. Rakyat seharusnya mempunyai kesedaran jika mahu menuduh seseorang pastikan bukti mencukupi untuk mengelakkan imej tercemar. Senario sekarang ini ialah orang lebih suka mencari duit yang banyak tanpa memikirkan buruk atau baik.

Pendidikan penting. Semua perlu dididik kerana jangan beranggapan apabila mempunyai kuasa boleh buat apa saja yang disukai. Itu salah. Jika ada kuasa perlu melalui undang-undang jangan salah anggap kuasa mereka besar.

Pengawasan juga penting. Apabila seseorang melakukan kesalahan kita boleh kesan awal dan cepat. Jika tidak ada pengawasan kesalahan itu akan berlaku berulang-ulang.

Ketatkan dan kemaskan lagi penguatkuasaan. Ada juga yang apabila mahu melakukan penguatkuasaan, dalam kepala hanya ingat rasuah. Penguatkuasaan harus ditingkatkan daripada semua sudut supaya ia jika tidak dapat menghapus gejala rasuah sekurang-kurangnya ia dapat dikurangkan.